



IKLAN JAWATAN KOSONG

Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) merupakan sebuah agensi Badan Berkanun Negeri Kelantan mempelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkeelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:-

Fail Rujukan : YKD.4/5/27/(27)

JAWATAN	:	PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1				
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN				
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA				
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK (<i>Contract For Service</i>)				
JADUAL GAJI	:	<table><tr><td><u>Gaji Minimum</u></td><td><u>Gaji Maksimum</u></td></tr><tr><td>1,500.00</td><td>4,680.00</td></tr></table>	<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>	1,500.00	4,680.00
<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>					
1,500.00	4,680.00					
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM100.00				
SYARAT LANTIKAN	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00);atau (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00);atau (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00);atau (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00)				
SYARAT TAMBAHAN	:	Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.				
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	:	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.				

RINGKASAN TUGAS UTAMA :
MENGIKUT BIDANG
PENGKHUSUSAN

3. (i) Mengikut fungsi tugas Pembantu Khidmat Am Gred H1 yang akan ditetapkan oleh Jabatan.
- (ii) Melibatkan tugas am untuk kelancaran operasi pejabat yang akan ditetapkan oleh Jabatan.
- (iii) Melibatkan tugas am untuk kelancaran operasi pejabat dan tugas khas pemanduan/pengendalian kren yang akan ditetapkan oleh Jabatan.

Fail Rujukan : YKD.4/5/27/(28)

JAWATAN	:	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N1				
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN				
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA				
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK (<i>Contract For Service</i>)				
JADUAL GAJI	:	<table><tbody><tr><td><u>Gaji Minimum</u></td><td><u>Gaji Maksimum</u></td></tr><tr><td>1,500.00</td><td>4,680.00</td></tr></tbody></table>	<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>	1,500.00	4,680.00
<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>					
1,500.00	4,680.00					
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM100.00				

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,500.00); atau
 - (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,561.00); atau
 - (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N1 : RM1,622.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS :

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personal, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

CARA MEMOHON

1. Permohonan jawatan ini hendaklah dibuat dengan menggunakan **BORANG PERMOHONAN UNTUK JAWATAN KOSONG** yang boleh didapati di pejabat ini.
2. Semua salinan sebagaimana di bawah hendaklah disertakan dan disahkan.
 - (i) Satu keping gambar berukuran passport
 - (ii) Salinan Kad Pengenalan
 - (iii) Salinan Surat Beranak
 - (iv) Salinan Sijil-Sijil Persekolahan atau Dokumen yang berkaitan.
3. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas tidak akan dilayan.
4. Hanya calon yang berkecuali dan memenuhi syarat tapisan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.
5. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **TIGA (3)** bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
6. Sila hantar permohonan anda ke alamat berikut:-

**PENGARAH
YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN)
TINGKAT 5, KOMPLEKS YAKIN
JALAN GAJAH MATI
15000 KOTA BHARU, KELANTAN**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dihantar : **SEBELUM ATAU PADA 06 OGOS 2026
JAM 12.00 TENGAHARI.**

Saya yang menjalankan amanah,



NIK JESSIM BIN TAN SRI NIK HASHIM
PENGARAH
YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN)

BERTARIKH : 26.07.2026